

Membela Agama Islam yang Dibawa oleh Junjungan Kita:

Muhammad Rasūl Allāh *ṣallā Allāh ‘alayhi wa sallam*

Pengikut-pengikut Mazhab Qadiani: Kafir Murtad!



Tuan Sheikh Abdullah Basmeh, dari Majlis

Penasihat Islam Singapura, sedang mengupas iktikad

Qadiani yang sesat dan kafir itu satu persatu.

Dengan berdasarkan Quran, hadis, ijmak umat

Islam dan juga beralasan kepada pengakuan Mirza Ghulam

Ahmad dalam buku-bukunya sendiri, Tuan Abdullah Basmeh

menegaskan bahawa Mirza dan pengikut-pengikutnya kaum “Ahmadiyyah

Qadiani” dan “Ahmadiyyah Lahore”, termasuk Khawajah

Kamaluddin dan Muhammad Ali serta Zafrallah Khan adalah

kesemuanya kafir murtad!

Mirza Ghulam Ahmad dan pengikut-pengikutnya dari

“Ahmadiyyah Qadiani” dan “Ahmadiyyah Lahore” adalah

kafir murtad – terkeluar dari agama Islam!

Keputusan ini diisytiharkan oleh badan-badan Islam

empat serangkai, dalam rapat umum umat Islam

Singapura, yang telah berlangsung dengan jayanya di tanah lapang

“Great Eastern” Geylang, pada malam *Rubū*¹ 28

Rabi‘ al-akhir 1380 (18 Oktober 1960) yang lalu.

Perhimpunan agung yang bersejarah ini, yang tidak

pernah berlaku seumpamanya dalam riwayat perkembangan Islam

di Singapura, telah dihadiri oleh kira-kira 20,000

(dua puluh ribu) orang dari segala lapisan umat

Islam.

Pensyarah-pensyarah pada malam itu ialah Ustaz Daud Ali

dari PERGAS (Persatuan Guru-guru Agama Singapura),

Ustaz Rijal Abdullah dari Muhammadiyah, Ustaz

Syed Ahmad Dahlan dari *Jamiyah* (Persekutuan Seruan

Islam), Tuan Syeikh Abdullah Basmeh dari Majlis

Penasihat Islam, Tuan Hamka dari Muhammadiyah dan Tuan

Haji Ali bin Haji Muhammad Sa‘id Salih, Kadi Besar

Singapura. Encik Yaakob Muhammad, Setiausaha Tetap

¹ Kemungkinan besar penulis asal merujuk kepada Rabu.

Kementerian Pembangunan, dan juga anggota Majlis

Haji Ahmad Khan dari *Jamiyah*.

Penasihat Islam telah menjadi pengerusi.

Sepuluh ribu risalah yang menggambarkan bahawa iktikad

Turut juga hadir ialah Encik Ahmad bin Muhammad

Qadiani itu sesat dan kafir telah dibahagikan dengan percuma

Ibrahim, Peguam Agung Negara Singapura, Naib

pada malam itu oleh pemimpin Ikhwan – Tuan Syed

Yang di-Pertua Majlis Penasihat Islam dan pelopor

Abdullah al-Edrus.

perpaduan badan-badan Islam sehingga terbentuk

Tatkala membuka rapat umum itu, Tuan Syed Ali

“Jawatankuasa Perhubungan Pertubuhan-pertubuhan Islam

Redha al-Sagoff, Setiausaha Jawatankuasa Perhubungan

Singapura” yang menjadi tuan rumah bagi rapat

Pertubuhan-pertubuhan Islam Singapura, telah menyatakan syukurnya

umum yang bersejarah itu. Turut juga hadir Tuan

kerana terciptanya perpaduan badan-badan Islam di Singapura



Suatu pemandangan dalam rapat umum yang bersejarah, yang telah dihadiri oleh 20,000 orang dari segala lapisan umat Islam dan telah memutuskan bahawa mazhab Qadiani terkeluar dari Islam dan pengikut-pengikutnya kafir murtad!

Keterangan gambar: barisan hadapan dari kanan: Encik Ahmad bin Muhammad Ibrahim, Peguam Agung, Tuan Hamka, Ustaz Daud (sedang bersyarah) Encik Ibrahim Yaakob, dan Tuan Syed ‘Ali Redha al-Sagoff. Barisan belakang dari kanan Encik Rozais, Tuan Haji Ahmad Khan, Ustaz Rijal, Tuan Syed Ahmad Dahlan, Tuan Sheikh Abdullah Basmeh dan Ustaz Mustajab. Tuan Haji Ali Kadi Besar belum tiba ketika gambar ini diambil.

untuk bergerak terus-menerus membela agama Islam yang maha suci dan mengembangkan serta menegakkan syiar-syiarinya.

Encik Yaakob Muhammad, pengerusi, dalam ucapannya menyatakan harapannya bahawa badan-badan Islam yang telah bersatu padu sebagaimana yang dibuktikan pada malam ini akan berkekalan dan berusaha terus memberi penerangan dan menyiarkan hakikat pengajaran Islam sebenarnya sehingga segala faham-faham sesat yang menjadi alat penjajah itu dapat dilenyapkan.

Kalau dahulu, masyarakat Islam kita pernah bertengkar tentang soal-soal tetek bengek sehingga berpecah-belah, maka kejadian yang seperti itu janganlah hendaknya berlaku lagi. Kata beliau lagi.

Tiap-tiap seorang pensyarah telah ditugaskan mengupas soal Qadiani selama setengah jam. Ustaz Daud Ali (PERGAS), Ustaz Syed Ahmad Dahlan (*Jamiyah*), dan Tuan Syekh Abdullah Basmeh (Majlis Penasihat Islam), dari awal hingga akhir telah mengupas habis-habisan iktikad Qadiani dan membuktikan – dengan alasan-alasan dari kitab Qadiani sendiri – bahawa penganut mazhab Qadiani adalah kafir murtad!

Sebaliknya wakil Muhammadiyah, Ustaz Rijal Abdullah (Pemimpin Muhammadiyah Singapura), telah terkeluar dari mauduk yang telah ditentukan, beliau hanya mengupas sejarah perkembangan agama-agama dengan tidak menyatakan barang sepatah, yang tegas, yang menetapkan bahawa kaum Qadiani itu keluar dari Islam.

Hadirin makin tercengang mendengarnya apabila beliau berkata, bahawa kalau ada di hadapannya Nabi Muhammad dan Abū Bakr al-Siddīq “maka saya tetap memilih Muḥammad sahaja”. Akhirnya beliau mengunci ucapannya dengan berkata bahawa

Muhammadiyah bukan hendak mempersoalkan soal-soal titik bengik tetapi hendak mendirikan sekolah-sekolah dan hospital-hospital!!

Qadiani Kafir dan Murtad

Ustaz Daud Ali dalam ucapannya berkata: bahawa golongan yang mengaku konon ada Nabi lagi kemudian daripada junjungan kita Nabi Muḥammad *ṣallā Allāh ‘alayhi wa ‘ālihi wa sallam* maka golongan ini nyatalah kafirnya dan tidak harus dikebumikan di perkuburan orang-orang Islam!

Tuan Abdullah Basmeh pula berkata, dengan dalil Quran dan hadis serta ijmak umat Islam sedunia, dan juga dengan pengakuan Mirza Ghulam Ahmad (yang dinabikan oleh kaum Qadiani) dalam buku-bukunya sendiri, nyatalah Mirza Ghulam Ahmad dan pengikut-pengikutnya dari Ahmadiyah Qadiani dan Ahmadiyah Lahore adalah kafir murtad – terkeluar dari Islam!

(Pati ucapan Tuan Abdullah Basmeh dapat dibaca pada akhir maqalah ini – P.).

Ustaz Syed Ahmad Dahlan pula berkata dalam ucapannya: Faham Qadiani tidak syak lagi satu faham yang terkeluar dari agama Islam. Paderi-paderi Qadiani tidak akan dapat menutup kesesatan mazhabnya itu.

Inilah buku-buku Qadiani – sambil beliau menunjuk beberapa buku Qadiani di tangannya – yang mengakui konon Mirza Ghulam Ahmad menjadi Nabi dan anak Tuhan.

Syed Dahlan dengan tegas menyatakan Mazhab Qadiani yang sebenarnya ialah ciptaan penjajah Inggeris dan Nabi mereka ialah boneka penjajah.

Tuan Hamka (Muhammadiyah) pula dengan tegas menyatakan bahawa mazhab Qadiani terkeluar dari Islam dan pengikut-pengikutnya: kafir murtad.

Pada dua puluh tahun yang lalu saya telah kafirkan seorang Qadiani di Medan, Muhammad Sadiq, yang sekarang menjadi paderi Qadiani di Singapura, dan saya telah didakwa di mahkamah. Tetapi hanya lima minit setelah mahkamah jalankan bicara, maka perkara itu buang kes!

Sebab? Kerana mengkafirkan orang yang kafir: tidak salah!

Tatkala menolak siaran setengah surat khabar dan majalah yang mengaitkan Muhammadiyyah dengan Ahmadiyyah Qadiyani, Tuan Hamka berkata:

“Benar, dua orang ketua Muhammadiyyah di Jogjakarta pernah masuk mazhab Qadiani – iaitu Tuan Soyojono dan Muhammad Hussin, tetapi kami – *al-hamdu lillāh* – telah mengislamkan mereka semula dan mereka telah bertaubat.”

Tuan Haji Ali, Kadi Besar Singapura dalam ucapannya pula menegaskan bahawa iktikad Qadiani iktikad sesat dan pengikut-pengikutnya kafir murtad!

Sekiranya orang-orang Qadiani banyak mengacau dan merosakkan keamanan, maka janganlah dilawan dengan kekerasan tetapi biarlah beramai-ramai menuntut kepada kerajaan supaya pemerintah membungkus tikar bantal Qadiani dan dilempar keluar dari Singapura!

Kadi Besar Singapura juga telah menyentuh sedikit perbuatan sesetengah-sesetengah lebai baharu yang pernah menyalahkan Mazhab Shāfi‘ī dan membid’ahkan amalan umat Islam di sini.

“Ini, kata beliau lagi, nampaknya hendak mengubah masjid! Tetapi saya percaya usaha yang demikian adalah satu kerja yang sesia, samalah seperti kerja hendak mengalih gunung, dan itu tentulah mustahil kejayaannya!”

Pati Ucapan Abdullah Basmeh

Dalam ucapannya pada malam itu, Tuan Abdullah

Basmeh berkata antara lain:

Sebagaimana yang diketahui, rapat umum ini diadakan kerana dua tujuan yang besar.

Pertama – kerana hendak menunjukkan perpaduan yang telah dicapai di antara badan-badan Islam di Singapura, yang pernah berselisih dalam perkara-perkara furuk (cabang-cabang dan ranting-ranting agama) pada masa yang lalu.

Kedua – kerana hendak membuktikan bahawa mazhab Qadiani – musuh Islam yang sedang menyeludup dalam masyarakat Islam di sini – adalah mazhab yang sesat dan pengikut-pengikutnya kafir murtad!

Sebelum itu, suka saya menjelaskan tentang bentuk dan isi perpaduan yang telah dicapai di antara kami yang bermazhab Shāfi‘ī dengan badan Muhammadiyyah yang tidak bermazhab. Perpaduan itu tidak bermakna bahawa kami telah terpengaruh kepada Muhammadiyyah, tidak. Sebaliknya tidak pula bermakna bahawa Muhammadiyyah telah terpengaruh kepada faham kami. Kedua-dua pihak akan berjalan menurut pengajian masing-masing. Perkara-perkara yang diperselisihkan sudah selesai dibahas semenjak dahulu lagi.

Tentang pertengkaran mengenai soal-soal tetek bengek yang pernah berlaku dalam masyarakat kita pada masa yang lalu, sebagaimana yang dikatakan oleh tuan pengerusi tadi, saya suka bertanya: siapa yang memulakannya?

Misalnya apabila kami mengadakan talkin, tiba-tiba ada satu puak yang mengatakan amalan kami itu bid’ah, haram dan sebagainya. Tuduhan-tuduhan yang seperti ini sudah tentu kami tidak akan menelannya begitu sahaja dan sudah tentu dijawab. Dalam hal yang seperti ini kami hanya menepis segala tuduhan yang dilemparkan itu.

Mudah-mudahan dengan adanya perpaduan yang telah dicapai

sebagaimana yang telah terbukti pada malam ini, kita tidak akan mendengar atau membaca sebarang siaran yang menyinggung atau bidaah-membidaahkan lagi.

Oleh kerana perkara ini telah jelas maka sekarang saya beralih tentang soal mazhab Qadiani.

Apa dia Mazhab Qadiani?

Alim ulama Islam yang kebilangan telah mengupas satu persatu dalam kitab-kitab karangan mereka masing-masing.

Di antara mereka ialah Mawlana Abu al-A'la al-Mawdudi dalam bukunya: “*Al-Mas’alat al-Qādiyāniyyah*”. Mawlana Abdul Aleem al-Siddique dalam bukunya: “*Haqīqat al-Mirzāiyyīn*”. Al-Sayyid Abi al-Hassan Ali al-Nadwi dalam bukunya: “*al-Qādiyāni wa al-Qādiyāniyyah*”. Al-Sayyid Muhammad Rashid Riḍa di dalam bukunya “*al-Wahy al-Muḥammadī*” dan *Tafsīr al-Manār* serta majalahnya “*al-Manār*”. Al-Sayyid Muḥibbuddīn al-Khatīb di dalam majalah “*al-Fath*” Mesir. Dr. Aḥmad Amīn dalam bukunya “*al-Mahdiyy wa al-Mahdiyyah*”. Al-Sayyid Alwi bin Tahir al-Haddad dalam bukunya “*Anwār al-Qur’ān*”. Al-Ustaz Maḥmud al-Mallah dalam bukunya “*al-Niḥlat al-Qadiyāniyyah wa Khatruhā ‘alā al-Islām*” dan banyak lagi.

Semuanya mengkafirkan Mirza Ghulam Ahmad al-dajjal dan pengikut-pengikutnya kaum Qadiani.

Hakikat dan intisari mazhab Qadiani telah disimpulkan oleh Mirza Ghulam Ahmad sendiri di dalam bukunya yang bernama “*Syahādat al-Qur’ān*” katanya:

“*‘Aqīdatī al-latī ukarriruhā inna li al-Islāmi juz’ayn, al-juz’i al-awwal: iṭā’atu Allāh, wa al-juz’i al-thānī: iṭā’atu al-hukūmat al-brīṭāniyyah.*”

Ertinya: “Iktikadku yang aku ulang-ulangkan ialah bahawa Islam itu dua bahagian, bahagian yang pertama:

taat kepada Allah, dan bahagian yang kedua, taat kepada kerajaan British”

Ini adalah hakikat mazhab Qadiani dan penciptanya.

Apa Sebab Qadiani Dikafirkan?

Daripada pengakuannya yang ditulis oleh Mirza Ghulam Ahmad di dalam bukunya yang tersebut di atas dan buku-bukunya yang lain, yang akan saya sebutkan nanti nyatalah dia dan pengikut-pengikutnya kafir murtad!

Di dalam bukunya “*Haqīqat al-Wahy*”, muka 100, Mirza Ghulam Ahmad berkata:

“Tuhan beri wahyu kepada aku, katanya: Ya Nabi Allah dahulu aku tidak kenal kepadamu!”

Di dalam bukunya “*Muwāhib al-Rahmān*” muka 3, Mirza Ghulam Ahmad berkata: “Tiap-tiap yang aku katakan adalah wahyu daripada Allah.”

Dalam bukunya tersebut, muka 69, ia telah mengkafirkan seluruh umat Islam dengan berkata:

“Barangsiapa tidak menerima dan tidak beriman kepada aku, maka orang itu kafir lagi anak zina yang Allah tutup hatinya.”

Dalam buku khutbahnya yang terkenal dengan “*Khutbat Siyālkūt*”, muka 3, Mirza Ghulam Ahmad mendakwa bahawa dia ialah Nabi ‘Īsā, dia juga Imam Mahdi yang ditunggu-tunggu dan dia juga Krishna.

Akhirnya Mirza Ghulam Ahmad mengaku menjadi anak Tuhan, sebagaimana yang dituliskannya di dalam bukunya “*Ḥamāmat al-Bushrā*” muka 49, katanya:

“Allah Ta‘āla telah berkata-kata kepada aku dengan firman-Nya, dengarlah hai anakku!”

Di dalam bukunya “*Azālat al-Awhām*” Mirza Ghulam

Sambungannya pada muka 27

² Merujuk kepada sebuah tempat bernama Sialkot.

Mazhab Qadiani

Sambungan dari muka 14

Ahmad tegak-tegak menafikan adanya hari Akhirat dan tidak percaya kepada *qadā'* dan *qadr* (takdir Tuhan).

Demikianlah sebahagian kecil daripada pengakuan nabi kaum Ahmadiyyah Qadiani yang menunjukkan setakat mana kufurnya dan najisnya iktikad mazhab Qadiani itu.

Senjata Umat Islam

Satu ayat Quran sahaja (40, surat al-Aḥzāb), yang tegas mengakui junjungan kita Nabi Muhammad *ṣallā Allāh 'alayhi wa 'ālihi wa sallam* menjadi "*Khātim al-Nabiyyīn*" (kesudahan segala Nabi-nabi dan Rasul-rasul) telah meruntuhkan mazhab Qadiani ini dari asasnya.

Dan satu hadis sahaja dari junjungan kita Nabi Muhammad *ṣallā Allāh 'alayhi wa 'ālihi wa sallam*, yang dengan tegas dan jelas bersabda: "*Lā' nabiyyu ba'dī*" (tiada Nabi kemudian daripadaku), sudah cukup untuk menyingkirkan segala dakwaan nabi-nabi palsu dan "dajal-dajal" yang timbul silih berganti dari satu ke satu zaman.

Mazhab Qadiani Retak Lalu Belah

Pada tahun 1908 Mirza Ghulam Ahmad, yang dinabikan oleh orang-orang Qadiani telah mati, lalu digantikan oleh khalifahnya Nuruddin. Setelah khalifahnya mati pada tahun 1913 maka mazhab Qadiani ini berpecah dua. Pernah yang pertama terkenal dengan nama "Ahmadiyyah Qadiani" berpusat di Qadian – Punjab, dipimpin oleh anak Mirza Ghulam Ahmad sendiri – Mirza Bashiruddin. Mereka beriktikad bahawa Mirza Ghulam Ahmad ialah nabi dan orang-orang yang tidak bernabikan dia adalah kafir.

Firqah yang kedua pula terkenal dengan nama "Ahmadiyyah

Lahore" berpusat di Lahore, dan dipimpin oleh Muhammad Ali (M.A., L.L.B.) yang telah mengarang sebuah tafsir Qur'an menurut mazhabnya yang sesat itu.

Firqah ini beriktikad bahawa Mirza Ghulam Ahmad hanya seorang "*mujaddid*" (pembaharu agama) sahaja dan barangsiapa yang tidak mengakuinya sebagai "*mujaddid*" maka orang itu kafir. *Firqah* Ahmadiyyah Lahore ini mempunyai pusat penyiaran di England, di Woking Surrey, ada masjidnya dan ada majalahnya dalam bahasa Inggeris bernama "*Islamic Review*".

Dua Kali Murtad!

Menurut kupasan al-Ustaz Mahmud al-Mallah (Baghdad), dalam bukunya: "*al-Niḥlat al-Qādiyāniyyah wa Khatruhā 'alā al-Islām*" (Mazhab Qadiani dan bahayanya kepada Islam), bahawa "Ahmadiyyah Qadiani" itu kafir murtad, tetapi "Ahmadiyyah Lahore" ini dua kali murtad!"

Sebabnya? Ahmadiyyah Lahore ini dihukumkan murtad oleh Ahmadiyyah Qadiani kerana tidak mengakui Ghulam Ahmad sebagai nabi, hanya sebagai "*mujaddid*" (pembaharu agama) sahaja.

Kepada umat Islam pula, Ahmadiyyah Lahore ini juga dihukumkan kafir murtad, kerana mewajibkan umat Islam mengakui Mirza Ghulam Ahmad sebagai "*mujaddid*" dan mengkafirkan umat Islam yang tidak mengakui iktikad (*mujaddid*) tersebut. Sedang Mirza Ghulam Ahmad sendiri, yang mereka jadikan imam *mujaddid*, ikutan mereka, telah nyata murtadnya menurut pengakuannya sendiri, iaitu menjadi nabi, anak Tuhan.... dan lain-lain lagi. Perkataan "*mujaddid*" ini tidak dapat menolong Mirza Ghulam Ahmad yang nyata kufurnya, dan tidak

juga dapat menolong Ahmadiyyah Lahore, kerana iktikad mereka sudah rosak pada asasnya.

Muhammad Ali – ketua Ahmadiyyah Lahore – telah memutar-mutarkan pengertian ayat-ayat Qur'an dalam kitab tafsirnya.

Misalnya ia mengatakan Nabi 'Isā berbapa. Wahyu masih belum putus. Dan ia menidakkan mukjizat segala nabi-nabi yang terang terbentang keterangannya dalam kitab suci al-Qur'an. Perbuatannya dan perbuatan Khawajah Kamaluddin dalam kitab-kitab tafsir mereka samalah seperti perbuatan paderi-paderi Yahudi dan Nasrani yang memutar-kandung kitab-kitab Taurāh dan Injil.

Mirza Ghulam Ahmad dan iktikadnya yang terkeluar dari Islam itu adalah ibarat air najis yang diisi dalam sebuah tangki dan diberi dua paipnya atau pancurannya. Walaupun pancuran yang pertama bernama "Ahmadiyyah Qadiyani" dan pancuran yang kedua bernama "Ahmadiyyah Lahore" tetapi air yang mengalir daripada kedua-duanya tetap air najis – kerana sumbernya tetap satu dan isinya hanya satu – air najis!

Inilah sebab musababnya maka Mirza Ghulam Ahmad dan pengikut-pengikutnya dari Ahmadiyyah Qadiyani dan Ahmadiyyah Lahore dikafirkan dan disingkirkan keluar dari Islam, kata Tuan Abdullah Basmeh menutup ucapannya. Dan kemudian beliau membacakan keputusan-keputusan alim ulama Islam sedia yang telah mengkafirkan Qadiani seperti berikut:

Ulama Azhar Mengkafirkan Qadiani

Yang pertama: jawatankuasa yang telah ditubuhkan oleh Universiti Azhar, di Mesir, pada tahun 1358 Hijriyyah, bagi menyelidik dan menyiasat mazhab Qadiani telah menghukumkan bahawa Mirza Ghulam Ahmad Qadiani dan pengikut-pengikutnya adalah kafir murtad.

Keputusan itu tercatat di dalam majalah "*al-Fath*", yang dipimpin oleh al-Sayyid Muhibbuddin al-Khātib dan juga di dalam kitab *Anwār al-Qur'ān*.

Ulama Iraq Mengkafirkan Qadiani

Yang kedua – alim ulama negeri Iraq juga telah menghukumkan bahawa Mirza Ghulam Ahmad Qadiani dan pengikut-pengikutnya adalah kafir murtad.

Keputusan ini tercatat di dalam majalah "*al-Şirāṭ al-Mustaqīm*" yang diterbitkan oleh *Jamiyah al-Hidāyah h al-Islāmiyyah* di Baghdad, yang juga disalin oleh majalah *al-Fath* Mesir bertarikh 30 Rejab tahun 1358 Hijriyyah, dan juga tersunting di dalam kitab *Anwār al-Qur'ān*.

Ulama Negeri Syam Mengkafirkan Qadiani

Yang ketiga: alim ulama negeri Syam dari empat mazhab juga menghukumkan bahawa Mirza Ghulam Ahmad dan pengikut-pengikutnya kaum Qadiani adalah kafir murtad.

Keputusan ini telah disiarkan oleh majalah *al-Fath* Mesir dan majalah "*al-Rābiṭah*" yang diterbitkan di Betawi (Jakarta) pada tahun 1350 Hijrah dan disalinkan oleh Almarhum Mawlana Abdul Aleem al-Siddique di dalam bukunya yang bernama "*Haqīqat al-Mirzāiyyīn*" dan juga tersunting di dalam buku "*Anwār al-Qur'ān*" karangan Tuan Syed Alwi al-Haddad Mufti Johor, yang diterbitkan oleh Jabatan Agama Johor.

Ulama India Mengkafirkan Qadiani

Yang keempat: ulama seluruh India juga telah menghukumkan bahawa Mirza Ghulam Ahmad dan kaum Qadiani adalah kafir murtad.

Keputusan ini telah disiarkan oleh majalah *al-Fath* Mesir, dalam tahun 1358 Hijriyyah, sebagai hasil keputusan mufti-mufti dalam 28 buah negeri dan jajahan India.

Ulama Pakistan Mengkafirkan Qadiani

Yang kelima: alim ulama dan pertubuhan-pertubuhan Islam seluruh Pakistan telah berkongres di Karachi pada bulan Januari tahun 1953 lalu menuntut supaya kaum Qadiani dilayan sebagai kaum kecil yang bukan Islam. Malangnya tuntutan itu tidak berjaya kerana pada masa itu pihak Qadiani telah menyeludup dalam pucuk pimpinan negara Pakistan dan salah seorang daripada kaum Qadiani yang berjawatan tinggi pada masa itu ialah Zafrullah Khan menjadi Menteri Luar. Tetapi akhirnya Zafrullah telah dapat digulingkan dan ditendang keluar – ke negeri Belanda menjadi salah seorang hakim di Mahkamah Dunia di sana.

Ulama Indonesia Mengkafirkan Qadiani

Yang keenam: ulama Islam Indonesia juga telah mengkafirkan Mirza Ghulam Ahmad Qadiani dan pengikut-pengikutnya, dan paderi-paderi Qadiani di sana ada yang telah melarikan diri ke mari – di antara mereka ialah paderi mereka yang ada sekarang di Onan Road, Singapura.

Ulama Tanah Melayu dan Singapura Mengkafirkan Qadiani

Yang ketujuh: alim ulama Islam di Tanah Melayu dan Singapura juga sekata mengkafirkan Mirza Ghulam Ahmad Qadiani dan pengikut-pengikutnya.

Kaum Qadiani juga tidak dibenarkan ditanam di perkuburan Islam.

Dengan keterangan-keterangan yang disebut tadi nyatalah,

sebagaimana yang diterangkan oleh pengarang "*Anwār al-Qur'ān*", bahawa barangsiapa yang beriktikad dengan faham Qadiani atau faham Ahmadiyyah Lahore, nescaya jadi kafirlah dia, murtad, tertalak isterinya, dan tiada ia mewarisi kerabat-kerabatnya dan kerabat-kerabatnya tiada mewarisinya. Dia hidup dan mati bukan dalam agama Islam, dan dia akan dibangkitkan pada hari Kiamat bersama-sama dengan dajal-dajal dan pendusta-pendusa itu.

Mudah-mudahan Allah *'Azza wa Jalla* melindungi kita orang-orang Islam daripada iktikad Qadiani yang kufur dan najis itu.



Pelajar-pelajar dari Madrasah Hasaniyyah, Lemal, Pasir Mas, Kelantan, bergambar untuk kenangan kerana mengucapkan selamat belayar kepada saudara Mokhtar Ahmad yang akan melanjutkan pelajaran ke Indonesia.

Duduk dari kiri: Muhammad Ishak, Mokhtar Ahmad (yang diraikan), dan Sharif Zainal. Berdiri dari kiri: Hanif Ahmad, Solahuddin Laila dan Li Muhsin.